

PERCUMA



مجلس أكاديم إسلام
دان عادت مليو فيراق

MAIPk

EDISI KEEMPAT 2016 BIL. KEDUA PULUH DUA

MAIPk TERIMA ANUGERAH **INOVASI ZAKAT TERBAIK** (KUTIPAN) PERINGKAT KEBANGSAAN

SAMBUTAN BULAN ZAKAT
KARNIVAL USAHAWAN ASNAF 2016



JEJAK ASNAF
Daerah Seri Iskandar

**AGIHAN WAKAF
SARAAN >>**

SIDANG REDAKSI

Penasihat

YBRS. DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED

Ketua Editor

EN. WAN ABDUL HALIM HAFIIDZ BIN MOHD AMIN

Editor

EN. MOHD YAKOP BIN IKRAM
EN. SHAMSUL ANUAR BIN ZAKARIA

Jurufoto

EN. MOHAMAD RAZIF BIN RAZALI
EN. AMIRULKHALID BIN AHMAD

Edaran

UNIT PERHUBUNGAN KORPORAT

Diterbitkan Oleh :

Unit Perhubungan Korporat
Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak
Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan
30000 Ipoh, Perak.
TEL : 05-2084000
FAKS : 05-2414257

LAMAN WEB : www.maiamp.gov.my

<https://wakafperak.gov.my>

EMEL : korporat@maiamp.gov.my

FACEBOOK : Zakat Perak – MAIPk

Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak Hak Cipta Terpelihara. Tidak Dibenarkan Mengeluar Ulang Mana-Mana Bahagian Artikel, Ilustrasi Dan Isi Kandungan Buku Ini Dalam Apa Jua Bentuk Dan Dengan Cara Apa Jua Sama Ada Secara Elektronik, Fotokopi, Mekanik, Rakaman Atau Cara Lain, Sebelum Mendapat Keizinan Bertulis Daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

KANDUNGAN

EDITORIAL

2

SEMASA

3-14

BERITA SANA SINI

15

DARI MEJA KETUA EDITOR



A ssalamualaikum wbt. wbrkt dan Salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji-pujian hanya untuk Allah SWT. Salam dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala Nabi, keluarga Baginda, para sahabat serta muslimin dan muslimat yang telah pergi dan yang masih hidup. Rasa kesyukuran diucapkan kerana kita sehingga ke hari ini masih menikmati suasana aman, diberikan kekuatan untuk terus menabur bakti kepada keluarga dan masyarakat.

Tahun 2016 sudah melalui tirai. Kita sudah berada di tahun 2017. Pelbagai cabaran dan mehnah yang sedang menanti untuk dihadapi dengan penuh kesabaran, berstrategik dan berserah kepada Allah SWT akan hasilnya. Sesungguhnya setiap langkah menghadapi cabaran dan mehnah dilaksana menurut Islam, semuanya mendapat ganjaran dan kebaikan daripada Allah SWT.

Pihak MAIPk pada tahun 2017 terus melipatgandakan usaha untuk membangunkan sosio-ekonomi ummah melalui zakat dan wakaf. Kehendak dan keperluan umat sentiasa diambil peduli agar dapat dibantu menerusi zakat dan wakaf. Peluasan promosi pungutan zakat dan wakaf kepada umat dilaksanakan agar tiada yang tertinggal untuk terus menabur bakti kepada umat.

Marilah bersama-sama dengan pihak MAIPk untuk membangunkan sosio-ekonomi umat dalam persekitaran dunia yang semakin mencabar. Kerjasama pelbagai pihak berbanding satu pihak sahaja bagi membangunkan umat adalah lebih baik dan berstrategik. Marilah terus melaksanakan tanggungjawab zakat dan pemberian wakaf kepada pihak MAIPk demi kebahagian untuk umat.

Sekian, terima kasih.

Wan Abdul Halim Hafizd Bin Mohd Amin

Masyarakat Orang Asli Di Tasik Banding Terima Zakat



GERIK - MAIPk dengan kerjasama pihak PLUS (M) Bhd telah mengadakan majlis serahan wang zakat kepada asnaf fakir miskin masyarakat Islam Orang Asli di perkampungan Orang Asli Sungai Tiang pada 27 Disember 2016. Pada majlis ini pihak PLUS telah menyerahkan zakat perniagaan sejumlah RM 211,100.00. Hal ini merupakan projek CSR (Corporate Social Responsibility) oleh pihak PLUS. Seramai 422 orang masyarakat Orang Asli telah menerima bantuan berupa wang tunai pada majlis tersebut yang mana merupakan masyarakat Orang Asli dari kampung-kampung sekitar Tasek Banding iaitu Pulau Koa Sg Chiung, Kg Pulau Tujuh, Kg Sg Temin, RPS Kemar, Kg Bagan Balak (Cadar), Kg Sg Rengat, Kg Pengkalan Permai, Kg Desa Ria, Kg Sg Tiang, Kg Kabel, Kg Kuala Raba, Kg Sg Raba, Kg Semelor dan Kg Desa Damai.

Seramai 40 orang yang terdiri daripada Orang Besar Jajahan Hulu Perak, Yang Dihormati Toh Muda Orang Kaya-Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Meor Roslan Bin Dato' Seri Meor Ahmad Rashidi telah hadir dan turut menyampaikan bantuan kepada penerima-penerima bantuan. Tan Sri Profesor Dr. Nordin Bin Kardi, Rektor Universiti Sultan Azlan Shah yang juga Anggota Majlis MAIPk turut hadir pada majlis tersebut. Pihak MAIPk telah diketuai oleh Dr. Amiruddin Bin Muhammed selaku Ketua Pegawai Eksekutif serta bersama-sama dengan pegawai dan kakitangan MAIPk. Pihak PLUS (M) Bhd pula diketuai oleh Encik Mohd Yusuf Bin Abdul Aziz selaku Pengurus Wilayah Utara.

Dalam majlis tersebut juga, turut menyaksikan pengislaman dua Orang Asli iaitu adik Rosmaini Bin Roslan dan adik Badrul Hisyam Bin Tuni. Majlis pengislaman telah disempurnakan oleh Ustaz Bahari Bin Latif selaku mubaligh kawasan Gerik. Walaupun penempatan komuniti masyarakat Orang Asli jauh di pedalaman namun kebijakan mereka dan keprihatinan dari pihak MAIPk serta pihak swasta khususnya PLUS(M) Bhd tetap diteruskan. Hal ini memenuhi tuntutan ibadah dan tanggungjawab sosial tanpa mengira faktor geografi dan warna kulit.

330 ORANG MAHASISWA PERUBATAN Terima Dana Khas RM 879 ribu



IPOH – Berikutan isu masalah kewangan yang dihadapi para pelajar perubatan Malaysia khususnya anak Perak di luar negara terutama di Mesir yang agak membimbangkan baru-baru ini, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) memandang serius perkara ini dan mengkaji masalah tersebut. MAIPk menaja seramai 899 orang mahasiswa bagi tahun 2016 yang sedang menuntut pengajian luar negara dalam bidang Pengajian Islam dan Perubatan. Sebahagian para pelajar menghadapi masalah kewangan walaupun telah dibantu oleh pihak MAIPk.

Kajian menyeluruh oleh pejabat Atase MAIPk di Timur Tengah mendapati seramai 330 orang pelajar harus dibantu dengan diberi tambahan dana. Pada 17 Oktober 2016, seramai 304 orang pelajar Dermasiswa Luar Negara MAIPk telah menerima sumbangan tambahan melibatkan dana berjumlah RM608,000.00 dibawah asnaf Fisabilillah. Majlis penyampaian sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan kepada pelajar perubatan Mesir dan Jordan serta pelajar Pengajian Islam Jordan. Majlis tersebut telah dihadiri oleh wakil pelajar iaitu ibu bapa mereka sendiri bagi menerima bantuan tersebut. Sumbangan ini melibatkan seramai 175 orang pelajar perubatan Mesir dan 129 orang pelajar Jordan iaitu seorang pelajar perubatan manakala selebihnya 128 orang pelajar pengajian Islam. Setiap pelajar ini menerima wang berjumlah RM2,000.00 setiap seorang.

Sekali lagi, MAIPk diberitakan dengan isu penyingkir pelajar perubatan Mesir yang mempunyai tunggakan yuran pengajian. Maka, satu langkah drastik diambil dan seramai 26 orang pelajar Dermasiswa Luar Negara MAIPk menerima sumbangan khas melibatkan kos berjumlah RM271,000.00 bagi membantu mereka menampung kos yuran pengajian sekaligus mampu mengekalkan mereka dalam pengajian. Sumbangan tambahan dan sumbangan khas ini merupakan tambahan daripada bantuan Dermasiswa Luar Negara yang telahpun diterima oleh para pelajar dengan kadar RM11,000.00 bagi pelajar Pengajian Islam Jordan dan RM20,000.00 bagi pelajar Perubatan Mesir dan Jordan. Pada tahun ini, MAIPk telah membelanjakan hampir RM8.291 juta bagi pelajar-pelajar yang belajar di Luar Negara termasuk negara selain Mesir dan Jordan.

PROGRAM JEJAK Asnaf

DAERAH SERI ISKANDAR

SERI ISKANDAR - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan program Jejak Asnaf di sekitar daerah Seri Iskandar pada 03 November 2016. Berikut merupakan sebahagian daripada masyarakat yang disantuni oleh pihak MAIPk :-



Puan Patimah Binti Mohd Rasid



Puan Ajor Binti Kadir

Puan Patimah Binti Mohd Rasid, seorang warga emas gigih dan tabah menjaga anaknya, Shahrudin yang mengalami masalah kesihatan usus. Beliau turut mengambil tanggungjawab menjaga dua orang cucu lelaki beliau yang masih kecil. Hasil dari ziarah MAIPk ke kediaman beliau di Kampung Talang Batin, Parit, pihak MAIPk telah meluluskan bantuan segera dan kewangan bulanan kepada keluarga ini selain telah memberi bantuan bekalan susu kesihatan untuk Encik Shahruddin. Pihak MAIPk juga akan membiayai kos pembedahan kanta mata Puan Patimah.

Ziarah kemudian diteruskan ke Titi Gantung, Bota untuk menziarahi dan menyantuni Puan Ajor Binti Kadir. Beliau yang tinggal bersama anak tunggal beliau yang masih belajar mempunyai masalah kesihatan yang agak serius. Hasil dari ziarah ini pihak MAIPk telah menghulurkan bantuan dari segi membiayai sewa bulanan rumah beliau selain dari menyelesaikan tunggakan bil utiliti dan sewa rumah beliau. Pihak MAIPk juga telah meluluskan bantuan bulanan kepada keluarga ini.



Encik Shaferi Bin Pandak Samat



Puan Aishah Binti Mortaza

Encik Shaferi Bin Pandak Samat, seorang warga emas yang tinggal bersama keluarga beliau di pinggir Sungai Perak di Kampung Padang Changkat, Bota. Mempunyai pendapatan yang tidak tetap hasil dari jualan sayur-sayuran dan menjalankan perternakan ayam secara kecil-kecilan. Sebuah rumah uzur yang tiada bekalan utiliti asas seperti air dan elektrik dan pondok kecil menjadi tempat perlindungan keluarga ini. Pihak MAIPk kemudian telah menyantuni keluarga ini dengan meluluskan bantuan segera dan kewangan bulanan selain dari akan membina sebuah rumah untuk keluarga ini.

Program Jejak Asnaf diteruskan ke Rancangan Perumahan Awam Changkat Sodang untuk menziarahi Puan Aishah Binti Mortaza. Beliau mempunyai seorang anak yang mengalami masalah jantung berlubang. Hasil dari ziarah ini pihak MAIPk telah menyumbang bantuan segera selain membantu keluarga ini dari segi kewangan untuk membiayai kos perubatan anak Puan Aisyah.

Perasmian Kedai Gunting Rambut Asnaf "A&A BARBERSHOP@MERU"

MERU - Usaha Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dalam melahirkan Usahawan-usahawan Asnaf MAIPk yang berkemahiran dan sekaligus dapat keluar daripada kemiskinan melalui Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) terlaksana dengan perasmian "A&A Barbershop@Meru" oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed di Masjid Al-Ansar, Meru pada 22 Disember 2016.



PROPER A diwujudkan bertujuan memberi peluang dan ruang dalam memperkasakan ekonomi asnaf yang berpotensi dan produktif dalam perniagaan dan menjenamakan perniagaan asnaf melalui Bantuan Modal yang diberikan kepada Asnaf Fakir Miskin. Projek "A&A Barbershop@Meru" ini berkonsepkan kabin dan dilengkapi segala peralatan dan kelengkapan bagi tujuan gunting rambut. Dua orang anak asnaf dilatih oleh seorang mentor berpengalaman dalam bidang gunting rambut supaya mahir dalam bidang tersebut. Latihan telah diberikan selama dua bulan bermula pada 01 September 2016 yang lalu. Anak-anak asnaf ini berjaya diasah bakat dalam kemahiran gunting rambut dengan pelbagai gaya terkini akan diberi tanggungjawab untuk mengendalikan projek berkenaan.

Semoga anak-anak ini dapat mengendalikan kedai gunting rambut tersebut dengan sebaik mungkin dalam usaha menambahkan pendapatan keluarga mereka sekaligus memberi satu pengalaman yang amat berharga dan tidak ternilai dalam mendidik mereka berusaha bagi mencapai apa yang mereka inginkan dan bukannya bergantung harap kepada sesiapa.

MAHA Bantu Usahawan Asnaf TINGKAT ILMU KEUSAHAWANAN

SERDANG - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menyertai Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) 2016 di Serdang, Selangor pada 01 hingga 11 Disember 2016. Pihak MAIPk mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada para usahawan asnaf MAIPk dalam menimba ilmu perniagaan dan keusahawanan pada masa kini. Pendekatan yang diambil ialah dengan melibatkan para usahawan asnaf dalam program-program keusahawanan seperti ekspo dan karnival bagi membolehkan mereka membuka minda dan menambah ilmu perniagaan sekaligus dapat diaplikasikan dalam perniagaan mereka sendiri.

MAHA 2016 telah membuka peluang kepada MAIPk untuk membawa usahawan asnaf MAIPk ini melihat dunia perniagaan sebenar disamping ianya mendapat menjana pendapatan para usahawan yang terlibat. Antara produk yang dibawa ke sana adalah sos cili, kicap, rempeyek, kerepek, kuah rojak, kopi dan lain-lain. Selain itu, ia juga merupakan usaha pihak MAIPk untuk mempromosikan produk usahawan asnaf dalam pasaran yang lebih luas.

Setiap usahawan asnaf MAIPk telahpun diberi latihan dan kursus dalam tempoh tertentu bagi membolehkan mereka mempunyai pengetahuan secara teori dan diaplikasikan secara praktikal melalui program-program seperti ini. Malahan, pihak MAIPk turut membawa kelainan di Karnival Usahawan Asnaf, Johor Bahru dengan membawa asnaf yang berkemahiran dalam bidang gunting rambut sebagai satu persediaan sebelum kedai gunting rambut mereka dibuka. Alhamdulillah, usahawan asnaf MAIPk menunjukkan satu perubahan positif selepas mengikuti program-program tersebut.



Kem Motivasi Pemantapan Insan ASNAF DAERAH MUALLIM

BATU KURAU – Seramai 35 pelajar terdiri daripada anak-anak Orang Asli dan asnaf telah menyertai Kem Motivasi Pemantapan Insan Asnaf Daerah Muallim pada 09 hingga 11 Disember 2016. Para pelajar ini dipilih daripada beberapa sekolah disekitar daerah Muallim. Program yang diadakan di Pusat Motivasi Mawaddah, Batu Kurau ini dianjurkan oleh Bahagian Agihan Zakat MAIPk dengan kerjasama MAIPk Daerah Muallim dan Penggerak Daerah Muallim. Sepanjang tiga hari berkampung disini, para pelajar tersebut telah didedahkan dengan modul-modul yang dirangka khas berkonsepkan pemantapan insan yang seterusnya dapat membentuk sikap dan sahsiah yang mantap dalam kalangan para peserta.

Pegawai Baitulmal Daerah Muallim, Encik Dzulbazli Bin Mahamad Ali telah merasmikan majlis penutup program tersebut. Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam kem motivasi tersebut. Beliau turut berharap agar para pelajar dan peserta dapat mempraktikkan dan mengamalkan segala ilmu dan pengajaran yang diperoleh dari kem motivasi ini.



Kem Motivasi Mualaf KELUARGA SAKINAH

BATU KURAU – Bertempat di Kem Mawaddah Kampung Perak, seramai 44 orang peserta terdiri daripada 12 keluarga Muallaf telah menyertai Kem Motivasi Muallaf Keluarga Sakinah pada 16 hingga 18 Disember 2016. Program ini dianjurkan oleh Unit Pemerksaan Asnaf, Bahagian Agihan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak(MAIPk).

Sepanjang 3 hari 2 malam program ini dijalankan, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai pelajaran dan perkongsian ilmu seperti sesi tazkirah dan latihan dalam kumpulan. Selain itu, para peserta juga telah melibatkan diri dalam aktiviti bersifat fizikal seperti aktiviti outdoor.

Puan Noorwahida Binti Abu Seman, Pengurus Unit Pemerksaan Asnaf Bahagian Agihan Zakat telah merasmikan majlis penutup program ini. Dalam ucapannya, beliau berharap agar pengalaman dan ilmu yang diperoleh dari program ini dapat diamalkan oleh peserta. Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan Program Kem Motivasi Muallaf Keluarga Sakinah pada kali ini.



MAIPk Sumbang Dana Zakat BAGI AKTIVITI NGO ISLAM DAN KEBAJIKAN ANAK YATIM



IPOH - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Penyampaian Dana Zakat kepada NGOs Islam dan Kebajikan Anak Yatim pada 22 Disember 2016. Pihak MAIPk telah mengambil satu tindakan dalam usaha membantu semua NGO Islam khususnya di negeri Perak untuk merancang serta mengkoordinasikan aktiviti persatuan supaya lebih efisien dan teratur. Hal ini juga merupakan galakan kepada pertubuhan-pertubuhan ini supaya lebih aktif dalam usaha dakwah dan kebajikan sekaligus meningkatkan keberkesanan agihan lebih menyeluruh kepada golongan asnaf.

Pihak MAIPk telah memanfaatkan dana zakat yang bukan sahaja dalam bentuk material malahan membantu NGOs ini dalam merangka pengisian aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan dalam kalangan masyarakat Islam. Pada majlis ini, sebanyak 20 NGO Islam menerima dana zakat yang melibatkan kos sebanyak RM160,000.00. Selain itu, kebajikan anak yatim turut diberi perhatian dengan MAIPk menyumbang dana berjumlah RM247,800.00 kepada 22 buah rumah anak-anak yatim di negeri Perak.

Mereka turut menerima baucer persekolahan berjumlah RM150.00 seorang dan ianya melibatkan kos berjumlah RM245,000.00. Baucer persekolahan ini turut diberikan kepada anak asnaf Fakir dan Miskin dalam usaha membantu mereka menyediakan keperluan persekolahan sebelum bermulanya sesi persekolahan. Hal ini merupakan satu galakan dalam membina semangat untuk menimba ilmu dalam kalangan anak-anak yatim dan anak-anak Fakir Miskin dengan adanya kelengkapan baru bagi persekolahan sesi 2017. Semoga pendidikan yang diperolehi mampu mengubah nasib keluarga mereka dan menyumbang kepada masyarakat pada masa akan datang.

MAIPk Diiktiraf Diperingkat Kebangsaan BAGI KATEGORI INOVASI ZAKAT TERBAIK (KUTIPAN)

JOHOR BAHRU - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menerima Anugerah Inovasi Zakat Terbaik (Kutipan) Peringkat Kebangsaan pada 01 Disember 2016. Majlis penyampaian anugerah tersebut diadakan di Dataran Angsana Mall, Johor Bharu sempena Karnival Usahawan Asnaf dan Ijtimai' Amil dan Asnaf Zakat Kebangsaan 2016 yang merupakan salah satu program yang terdapat dalam Bulan Zakat Kebangsaan.

Program tersebut dianjurkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor yang juga merupakan pelaksana program-program sempena Bulan Zakat Kebangsaan.



Penganugerahan tersebut bagi kategori Inovasi Kutipan merupakan satu pengiktirafan kepada MAIPk dari aspek kutipan dana zakat di Negeri Perak. Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor kepada Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Turut hadir sama mengiringi, Pengurus Besar Bahagian Pemasaran MAIPk serta pegawai-pegawai MAIPk yang terlibat.

Sebahagian Aktiviti Skuad Prihatin Asnaf MAIPk



“ Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Salmiah Binti Yaakub di Kg. Baru Tambun, Ipoh pada 30 Jun 2016. ”

“ Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Fauziah Binti Mohamed Salleh di Rapat Setia, Ipoh pada 25 Oktober 2016. ”



“ Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Asba Laila Binti Abd Rani di Kg Baru Batu 3, Batu Gajah pada 14 November 2016. ”

“ Sumbangan bantuan kewangan kepada keluarga Zakiyah Binti Ismail di Jalan Kenas, Kuala Kangsar pada 17 November 2016. ”



“ Sumbangan bantuan kewangan kepada Puan Mariam Bin Din di Kg Chik Zainal, Ipoh pada 23 November 2016. ”

Program Baca - Tulis - Quran (BTQ) PELAJAR ORANG ASLI NEGERI PERAK



SUNGKAI – Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Program Baca-Tulis-Quran (BTQ) Pelajar Orang Asli Negeri Perak dengan menggunakan kaedah Abahata Al-Jabari di Felda Residence Trolak, Sungkai. Program yang berlangsung selama empat hari tiga malam ini diadakan pada 19 hingga 22 Disember 2016. Para peserta terdiri daripada masyarakat Orang Asli Islam seramai 40 orang dari empat daerah iaitu Batang Padang, Kampar, Muallim dan Hilir Perak. Program ini merupakan salah satu daripada projek Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) yang telah dilancarkan pada 7 April 2016.

Program perintis ini telah dijayaikan bersama-sama di antara MAIPk, Institut Pengajian Al-Quran (IPaQ), Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) serta Centre Quranic Research Universiti Malaya (CQR UM). Program ini dipenuhi dengan pengisian yang menarik dan tersusun untuk orang asli belajar membaca Al-Quran dengan lebih baik berbanding sebelum ini. Bagi Orang Asli yang buta Al-Quran, mereka telah diajar dari atas membaca Al-Quran dengan menggunakan Kaedah Abahata yang lebih mudah untuk difahami dan menarik minat mereka untuk terus membaca Al-Quran tanpa rasa jemu. Kebanyakan semua peserta telah memberi kesan yang positif dimana pada awalnya buta huruf Al-Quran dan kini telah mengenal huruf-huruf Al-Quran serta boleh membaca dengan baik.

Program ini merupakan kesinambungan daripada Program Latihan Tenaga Pengajar (LTP) Kaedah Abahata untuk Kumpulan Mubaligh Negeri Perak. Sebahagian daripada mubaligh yang telah mengikuti program tersebut, mereka juga turut menjadi pembantu bagi menjayakan program ini. Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran adalah satu inisiatif pihak MAIPk untuk menyebarkan ilmu Al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu Al-Quran tanpa mengira sempadan usia serta taraf kehidupan. Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf MAIPk, En.Suhaimi Bin Yusoff telah menyempurnakan majlis penutup.

Program Wakaf Pembangunan Dan Perkembangan ILMU AL - QURAN UNTUK KUMPULAN MUBALIGH NEGERI PERAK



IPOH – Seramai 43 orang Mubaligh dan penggerak Negeri Perak telah menyertai Kursus Latihan Tenaga Pengajar Ilmu Al-Quran dengan menggunakan kaedah Abahata Al-Jabari. Program ini merupakan salah satu daripada projek Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) yang telah dilancarkan pada 7 April 2016. Kursus tersebut telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 15 sehingga 16 Oktober 2016 di Institut Latihan Pegawai Awam (ILPA), Ipoh.

Program perintis ini telah dijayaikan bersama-sama di antara Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Institut Pengajian Al-Quran (IPaQ) serta Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk). Melalui program ini, para mubaligh yang telah menjalani kursus akan dihantar untuk membantu saudara baru dan Orang Asli Islam membaca Al-Quran dengan menggunakan kaedah pembelajaran Al-Quran yang pantas dan mudah. Kaedah ini bermatlamat membasmi masalah buta huruf Al-Quran dan pemantapan asas bacaan Al-Quran.

Sepanjang kursus yang berlangsung ini pelbagai pengisian yang menarik dan tersusun telah dijalankan. Antaranya pengenalan kaedah membaca Al-Quran Abahata, slot Tahsinul Qiraat yang dikendalikan oleh Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa serta slot ‘micro teaching’.

Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran adalah satu inisiatif pihak MAIPk untuk menyebarkan ilmu Al-Quran dalam kehidupan ummah melalui pembelajaran, pengajian, pemahaman, penghayatan dan pengaplikasian ilmu Al-Quran tanpa mengira sempadan usia serta taraf kehidupan. Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Dr. Amiruddin Bin Muhammed, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Turut hadir ialah Timbalan Pengerusi Jawatankuasa IPaQ Dr. Tajuddin Jali, pegawai-pegawai MAIPk dan JAIPk.



Majlis Penyampaian Agihan Wakaf Saraan Negeri Perak



IPOH – Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Agihan Wakaf Saraan di Dewan Al-Ghazali, Kompleks Islam Darul Ridzuan pada 21 Disember 2016. Majlis Agihan Wakaf Saraan pada tahun 2016 secara keseluruhannya melibatkan 42 penerima manfaat wakaf saraan dengan jumlah agihan sebanyak RM601,799.89. Penerima manfaat wakaf saraan terbanyak ialah Masjid Daerah Sultan Idris II, Teluk Intan sebanyak RM115,830.00 diikuti dengan SRAR Al-Maskan, Simpang Empat Hutan Melintang sebanyak RM37,800.00 dan Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar RM37,295.20.

Wakaf saraan merupakan aset yang diwakafkan oleh pewakaf bagi tujuan menara institusi tertentu seperti masjid, surau, rumah anak yatim, tanah perkuburan, sekolah agama dan sebagainya. Di dalam konteks ini, MAIPk selaku pemegang amanah kepada aset wakaf ini membangunkan aset-aset yang diwakafkan tersebut dan hasilnya akan diagihkan semula kepada penerima manfaat selaras dengan hasrat pewakaf.



Dalam majlis berkenaan, Dr. Amiruddin Bin Muhammed menyeru masyarakat agar aset-aset wakaf yang diwakafkan oleh pewakaf didaftarkan atas nama MAIPk bagi tujuan pemeliharaan aset berkenaan dan memastikan ianya dapat diuruskan dengan baik. Beliau juga menarik perhatian masyarakat dengan pewujudan Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) apabila banyak projek sedang dilaksanakan seperti Wakaf Ilmu Program Mumtaz dan Wakaf Pembangunan dan Perkembangan Ilmu Al-Quran di mana empat buah program telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2016. Beliau seterusnya menyeru agar anggota masyarakat terus menyokong dan berwakaf kepada dana Wakaf Perak Ar-Ridzuan dengan melayari Portal Waqaf Perak Ar-Ridzuan di laman web www.wakafperak.gov.my.

Masjid Dan Sekolah Agama Rakyat TERUS MENERIMA MANFAAT DARIPADA WAKAF SARAAN

TELUK INTAN – Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Dr. Amiruddin Bin Muhammed telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Agihan Wakaf Saraan bagi Zon 2 di Hotel Abu Ubaidah, Teluk Intan pada 28 Disember 2016. Majlis Agihan Wakaf Saraan pada tahun 2016 secara keseluruhannya melibatkan 42 penerima manfaat wakaf saraan dengan jumlah agihan sebanyak RM601,799.89. Majlis pada hari ini melibatkan 15 penerima manfaat dengan jumlah agihan sebanyak RM305,618.67.



Daripada keseluruhan agihan yang berjumlah RM601,799.89, penerima manfaat dengan jumlah terbanyak ialah Masjid Daerah Sultan Idris II, Teluk Intan sebanyak RM115,830.00 diikuti dengan SRAR Al-Maskan, Simpang Empat Hutan Melintang sebanyak RM37,800.00 dan Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar RM37,295.20.

Di dalam majlis berkenaan, KPE MAIPk menyeru agar aset-aset wakaf yang diwakafkan oleh pewakaf terus kepada penerima manfaat didaftarkan atas nama MAIPk bagi tujuan memelihara aset berkenaan dan memastikan ianya dapat diuruskan dengan baik. Beliau juga menarik perhatian masyarakat kepada pewujudan Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) yang telah dilancarkan oleh DYMM Seri Paduka Sultan Perak Darul Ridzuan pada 7 April 2016 yang lalu. WPAR diwujudkan bagi menggalakkan penyertaan umat Islam dalam ibadah wakaf melalui kaedah berwakaf secara tunai.

7th Muslim World BIZ Di Putra World Trade Centre (PWTC)



Bengkel Pendidikan Zakat Dalam Ekonomi Koperasi

TAIPEI - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Bengkel Pendidikan Zakat Dalam Koperasi bertempat di Hotel Taiping Perdana pada 28 November 2016. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh wakil-wakil dari koperasi-koperasi seluruh negeri Perak. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan tentang kepentingan zakat perniagaan kepada pentadbir-pentadbir koperasi.

Pada masa yang sama Koperasi Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang telah menyerahkan cek zakat perniagaan berjumlah RM39,318.98 kepada MAIPk. Wakil dari Koperasi Sultan Azlan Shah, Behrang, Encik Salehan bin Marsin telah menyerahkan cek zakat perniagaan kepada Dr. Amiruddin Bin Muhammed selaku Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk pada majlis tersebut. Pegawai-pegawai dari Bahagian Pemasaran dan Bahagian Agihan Zakat, MAIPk turut menyertai bengkel tersebut sebagai urusetia bengkel.



Penyerahan Zakat Perniagaan Kepada MAIPk



14 November 2016



17 November 2016



24 November 2016

Zakat Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Negeri Perak berjumlah RM234,427.00

Zakat Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) berjumlah RM18,078.86

Zakat Syarikat Ladang MOCCIS Sdn. Bhd. berjumlah RM148,674.28



09 Disember 2016



09 Disember 2016

Zakat Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berjumlah RM30,603.00

Zakat Co-Opbank Persatuan Malaysia Berhad berjumlah RM65,315.52



22 Disember 2016



22 Disember 2016

Zakat Affin Islamic Bank Berhad berjumlah RM250,000.00

Zakat GITN Sdn. Bhd berjumlah RM100,000.00



Program Mumtaz Bahasa Inggeris Pelajar Lepasan SPM Di Daerah Kerian



BAGAN SERAI – Seramai 60 orang calon pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2016 daripada 11 sekolah di Daerah Kerian telah menyertai Program Mumtaz Bahasa Inggeris. Program tersebut telah berlangsung selama tiga hari dua malam iaitu pada 06 hingga 08 Disember 2016 di Sekolah Abu Bakar Al Baqir, Bagan Serai. Program Bahasa Inggeris bagi Pelajar Lepasan SPM 2016 ini merupakan salah satu program di bawah Projek Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) iaitu Wakaf Ilmu-Program Mumtaz. Program ini melibatkan kerjasama antara Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), Scye Global Education Sdn Bhd dan Pejabat Pendidikan Daerah Kerian.

Para peserta yang dipilih terdiri daripada kalangan pelajar-pelajar yang berada di tahap sederhana dalam penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Program ini telah memberi pendedahan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang teknik menjawab MUET untuk ke peringkat pengajian tinggi serta melahirkan minat pelajar dalam menguasai Bahasa Inggeris. Selain itu, penyediaan resume dan teknik menjawap soalan temuduga juga turut didedahkan.

Wakaf Ilmu-Program MUMTAZ yang dilaksanakan pada kali ini merupakan program ketiga selepas ia berjaya dilaksanakan khusus bagi pelajar yang mengambil UPSR dan SPM. Daerah Kerian terpilih untuk menjadi daerah pertama bagi program Bahasa Inggeris ini. Program ini akan dikembangkan ke seluruh Negeri Perak pada masa akan datang dengan melihat potensi kutipan dana wakaf yang semakin meningkat di negeri ini. Majlis penutup ini telah disempurnakan oleh En. Suhaimi Bin Yusoff, Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf MAIPk dan turut dihadiri oleh Hj. Abdul Wahid bin Ramli, Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Kerian, pegawai-pegawai MAIPk, pegawai PPD Kerian dan guru-guru.

Program JEJAK PENIAGA MAIPk 2016

IPOH - Bahagian Pemasaran, Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk) mengambil inisiatif dalam mempergiatkan pelbagai aktiviti dakwah sebagai cara menyampaikan maklumat berkennaan zakat agar tahap kesedaran masyarakat sentiasa subur. Justeru itu, Bahagian Pemasaran dengan kerjasama Pegawai-Pegawai Baitumal Daerah melaksanakan satu program iaitu Jejak Peniaga 2016. Program Jejak Peniaga 2016 ini bermula pada 22 November 2016 dan program ini akan diadakan secara berterusan dari semasa ke semasa.



Tujuan program ini dijalankan untuk menerangkan pendedahan berkaitan maklumat-maklumat agihan zakat sepanjang tahun 2015 dan 10 tahun kebelakang. Selain itu, Bahagian Pemasaran turut mempromosikan peranan yang dimainkan oleh pihak MAIPk berkennaan dengan zakat dan khidmat pengurusan kepada masyarakat Islam di negeri Perak. Di samping itu, kempen ini dijalankan bagi memudahkan pembayar zakat melalui potongan gaji menyemak dan melaksanakan bayaran zakat mengikut kadar semasa selaras dengan peningkatan pendapatan tahunan.

Program yang dijalankan buat pertama kali ini juga adalah bagi mengukuhkan perpaduan ummah melalui ibadah zakat. Program yang dijalankan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang dianggotai 2 hingga ke 4 orang pekhidmat MAIPk. Setiap kumpulan telah diberikan lokasi serta senarai peniaga bagi memudahkan pergerakan. Program ini juga meletakkan sasaran kepada peniaga-peniaga yang belum melaksanakan tanggungjawab berzakat agar mereka dapat menunaikan ibadah zakat tersebut.



Pembinaan Kediaman Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

Pada tahun 1999 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) menubuhkan sebuah institusi pendidikan yang diberi nama, Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR). Dalam tempoh 1999 sehingga 2016, KISDAR telah menyaksikan perkembangan pesat dan mengalami beberapa perubahan entiti sesuai dengan peredaran masa. Mutakhir, KISDAR telah dinamikaraf menjadi universiti penuh berkuatkuasa 10 Jun 2016 dan dikenali sebagai Universiti Sultan Azlan Shah (USAS).



Pada awal penubuhannya, USAS beroperasi di atas sebidang tanah milik MAIPk di Ipoh. Selepas beberapa tahun, operasi USAS berpindah ke tapak kampus yang tersendiri di Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun, antara isu utama yang dihadapi USAS sehingga kini adalah penempatan dan penginapan pelajar-pelajarnya yang tidak setara dengan pertambahan bilangan pelajar. Jumlah penempatan sedia ada hanya mampu menampung seramai 1500 orang pelajar. Kebanyakan pelajar USAS berasal dari luar daerah Kuala Kangsar dan luar negeri Perak menyebabkan mereka terpaksa menyewa di luar kampus dengan kadar sewa yang tinggi.



Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Kali Ke-193 pada 18 Disember 2015 telah bersetuju menubuhkan dana wakaf yang dinamakan sebagai "Waqaf Perak Ar-Ridzuan" (WPAR). Selain itu, Persidangan tersebut turut meluluskan beberapa projek yang akan dilaksanakan di bawah WPAR seperti Program Mumtaz, Pembinaan Waqf Business Centre (WBC), Pembinaan Pusat Hemodialisis, Wakaf Perkembangan Ilmu Al-Quran, Wakaf Bot, Skim Wakaf Tunai dan Wakaf Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar USAS.

MAIPk berpandangan terdapat kewajaran untuk menjadikan Wakaf Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar USAS sebagai satu projek di bawah WPAR berikutan keperluan mendesak untuk penempatan pelajar - pelajar USAS yang kini berjumlah lebih 4000 orang. WPAR mengambil inisiatif untuk menampung kekurangan tersebut dengan membina dua blok (75 unit) bangunan Apartmen 5 tingkat yang mampu menampung seramai 720 pelajar dalam satu-satu masa. Bangunan asrama tersebut dibina bersebelahan dengan kampus utama USAS dan dibangunkan dengan kemudahan serta persekitaran pembelajaran yang selesa selain membantu meringankan beban perbelanjaan pelajar kerana kadar sewaan yang berpatutan.

Projek Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar USAS ini dibina di atas Lot 14120 Mukim Sayung, Daerah Kuala Kangsar dan kerja-kerja pembinaan telah mula dijalankan pada bulan Mac 2016 oleh Sri Kancil Development Sdn. Bhd. Kos projek menelan belanja sebanyak RM15 juta dibiayai melalui pendanaan wakaf di bawah WPAR. Setakat ini penyumbang terbesar projek berkenaan adalah Maybank Islamic dengan jumlah sumbangan sebanyak RM5 juta.

Sehingga ke hari ini, kemajuan projek telah mencapai 80% dan bangunan ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan September 2017.

Berita Sana Sini



“Program Jelajah HRMIS Peringkat Zon Tengah pada 18 Oktober 2016.”

“Lawatan kerja Majlis Agama Islam Johor ke MAIPk pada 31 Oktober 2016.”



“Pelepasan Pasukan Bola Sepak MAIPk ke Kejohanan Piala Berkat pada 11 November 2016.”

“Lawatan kerja MAIPk ke Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di Pekan, Pahang pada 15 November 2016.”



“Persidangan Majlis pada 15 Disember 2016.”

“Lawatan kerja MAIPk ke MARA Call Centre di Kuala Lumpur pada 19 Disember 2016.”



“Kursus Basic Life Support & First Aid pada 22 - 23 Disember 2016.”

“Kunjungan hormat MAIPk ke Ramly Food Processing Sdn. Bhd di Batu Caves, Selangor pada 26 Disember 2016.”

Wasiat Raja - Raja Melayu

Wasiat Raja-Raja Melayu merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurunkan tandatangan persetujuan pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah :

1. Kami namakan dan kami panggil dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (sekarang dikenali dengan nama Malaysia).
2. Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.
3. Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kamu serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.
4. Kamikekalkan dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.
5. Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.
6. Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.
7. Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).

IMUNISASI TAMBAHAN

VAKSIN INFLUENZA & VAKSIN PNEUMOKOKAL

ISTIMEWA
RM 140 | **VAKSIN WAJIB** | (MENINGITIS)
HAJI DAN UMRAH | **RM 140**

Influenza dan Pneumokokal adalah virus yang boleh menjangkiti saluran pernafasan dan pari-paru. Ianya boleh menyebabkan sesak nafas serta jangkitan selsema yang serius dan boleh menyebabkan kematian. Cara terbaik untuk menghindari dari jangkitan virus ini adalah dengan mendapatkan VAKSIN INFLUENZA & VAKSIN PNEUMOKOKAL.

VAKSIN
INFLUENZA
RM 65

VAKSIN
PNEUMOKOKAL
RM 65



Pusat Perubatan Ar-Ridzuan
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
3040 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Pejabat : 05-2420111 / Harian : 019-555 6551

KELAS ANTENATAL

TARIKH:
26 FEB 2017
23 APR 2017
23 JUL 2017
24 SEP 2017

SIAPA YANG PERLU HADIR

- ★ Ibu hamil
- ★ Pasangan yang baru berkahwin
- ★ Individu yang ingin menambahkan pengetahuan

ANTARA TOPIK YANG AKAN DIBINCANGKAN IALAH :

- ★ Pemakanan yang diperlukan semasa mengandung
- ★ Senaman semasa mengandung & teknik pernafasan
- ★ Penjagaan selepas bersalin
- ★ Kaedah jenis kelahiran
- ★ Melegakan kesakitan ketika bersalin
- ★ Penjagaan bayi baru lahir
- ★ Pendekatan Islamik semasa menyambut kelahiran bayi
- ★ Imunisasi semasa bayi
- ★ Proses bersalin & merancang keluarga

MASA : 8.30 PACI - 4.30 PETANG
TEMPAT : PUSAT PERUBATAN AR RIDZUAN

Tarikh tutup penyertaan : Satu minggu sebelum program

• **PENYERTAAN**
ADALAH TERBUKA KEPADA SEMUA
SAJIAN MAKANAN DISEDIAKAN

GOODIES BAG
PERCUMA!!!

RM 20
SEPASANG
Tempat adalah terhad



Pusat Perubatan Ar-Ridzuan
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
3040 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-242 1111
Faks : 05-2410110
Email : info@arridzuan.com